

**Pindaan Akta Binatang Akan Dibentang Di Parlimen Dalam Masa Terdekat - Noh Bernama
28 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Cadangan meminda Akta Binatang 1953 yang antara lain memperuntukkan hukuman lebih berat kepada penganiaya haiwan dijangka akan dapat dibentangkan di Parlimen dalam masa terdekat.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Noh Omar berkata, cadangan pindaan akta itu telah dibawa kepada Pejabat Peguam Negara dan kini dalam proses menunggu ulasan daripada kementerian-kementerian lain yang berkaitan.

"Jika cadangan itu diluluskan, kami akan membawanya ke Kabinet sebelum dibentangkan di Parlimen. Jika semua berjalan lancar, saya rasa tahun ini kita sudah boleh bentangkan," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan 'Perakuan Amalan Sementara' kepada 71 graduan veterinar daripada dua buah universiti di Taiwan, di sini.

Cadangan antara lain menaikkan hukuman bagi penganiaya haiwan daripada RM200 kepada RM50,000 dan penjara sehingga setahun sebagai usaha mendidik serta mengubah sikap penjaga haiwan daripada menganiaya atau mendera haiwan.

Akta Binatang 1953 bertujuan untuk mengawal pergerakan keluar masuk haiwan ke Semenanjung Malaysia, penyembelihan haiwan, kekejaman terhadap haiwan, pemuliharaan dan juga kebajikan haiwan.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655508>